

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (MENGKOMPAUN
KESALAHAN) (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-
Undang
Kecil

1. Nama, Pemakaian dan mula berkuat kuasa
2. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun
3. Wang yang dikehendaki dipungutan dan cara pembayaran
4. Borang bagi tawaran mengkompaun

JADUAL

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (MENGKOMPAUN KESALAHAN) (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri membuat Undang-Undang Kecil yang berikut:

Nama, Pemakaian dan mula berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaun Kesalahan) (Lembaga Pembangunan Tioman) 2005**.
- (2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai dalam **Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman**.
- (3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah **mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam Warta**.

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun

2. (1) Kesalahan-kesalahan di bawah **seksyen 29, 30, 31, 34, 38, 39, 40, 41, 52, 55, 56, 57, 58, 70, 72, 76, 78, 79, 80, 82 dan 87 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974**, yang di dalam Undang-Undang Kecil ini disebut "Akta itu", boleh dikompaun oleh **Yang Dipertua** atau oleh **Timbalan Yang Dipertua** atau **Setiausaha** atau mana-mana **Pegawai Undang-Undang Lembaga Pembangunan Tioman**.
- (2) Kesalahan-kesalahan di bawah **seksyen-seksyen 42, 46, 47 dan 85 Akta itu** dan yang di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil yang dibuat di bawah Akta itu boleh dikompaun oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan (1) atau oleh mana-mana **Pembantu Undang-Undang** atau **Pegawai Pendakwa Lembaga Pembangunan Tioman**.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

3. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan tidak boleh lebih daripada **lima ratus ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah Akta itu**, atau tidak boleh lebih daripada **dua ratus lima puluh ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah suatu Undang-Undang Kecil** yang dibuat di bawah Akta itu.
- (2) Pembayaran wang itu hendaklah dibuat dengan **wang tunai, atau kiriman wang, wang pos, pesanan bank atau draf bank** yang dibuat untuk dibayar kepada **Yang Dipertua Lembaga Pembangunan Tioman** dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".
- (3) Bayaran bolehlah diserahkan dengan sendirinya kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi jika bayaran dihantar melalui pos ia mestilah dialamatkan kepada Yang Dipertua Lembaga Pembangunan Tioman.
- (4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dikira sebagai kepunyaan Lembaga Pembangunan Tioman dan suatu **resit rasmi mestilah dikeluarkan** baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun.

Borang bagi tawaran mengkompaun

- 4. Borang dalam Jadual ini hendaklah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

JADUAL

[Undang-Undang Kecil 4]

TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:)

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang berkaitan:

Tarikh: Waktu:

Tempat:

Butir-butir kesalahan:

.....
.....

2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan) (Lembaga Pembangunan Tioman) 2004, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak RM(Ringgit:

.....) Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Lembaga Pembangunan Tioman dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan dengan sendiri kepada saya di alamat yang berikut :

.....

Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Yang Dipertua Lembaga Pembangunan Tioman. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar. Tawaran ini akan habis tempoh pada Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada haribulan 20.....

(Hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun yang nama dan jawatannya hendaklah dinyatakan di bawah tandatangannya)

Yang Dipertua,
Lembaga Pembangunan Tioman,
.....
.....
.....

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan
..... dan bertarikh
Saya menerima tawaran itu dan sertakan bersama ini wang/kiriman wang/wang
pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No. bagi
wang sebanyak RM. bagi menjelaskan bayaran kompaun ini.

Tandatangan:
Nama (Huruf Besar):
.....
Alamat:
.....
.....

Dibuat pada 28 Oktober 2004

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang